



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK;
ILMU DAN ISLAM



ISLAMIC SAVOIR OBEIDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"ILMU DAN ISLAM". 1

| | |
|---|--|
| 2 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾ |
| 3 | أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 4 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. |
| 4 | قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾ |
| 5 | Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Dikesempatan berada pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada hadirin Jumaat sekalian marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat seterusnya berjaya dan selamat di dunia dan di akhirat. |
| 6 | Fokus khutbah kita pada hari ini ialah: " ILMU DAN ISLAM. " Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, |



| | |
|---|----|
| <p>Dalam mengharungi arus kehidupan ini, kita amat dituntut mempelajari pelbagai bidang ilmu yang bermanfaat dalam urusan mentadbir dan memakmurkan bumi ini. Islam menggalakkan umatnya untuk menuntut apa sahaja bidang ilmu kerana ilmu dan Islam itu bergerak seiring. Ilmu dan Islam tidak boleh dipisahkan kerana Islam itu sendiri adalah berteraskan kepada ilmu.</p> | 7 |
| <p>Allah SWT meletakkan kekuatan akal fikiran dan ilmu sebagai keutamaan yang membezakan antara insan dengan haiwan. Dengan akal dan wahyu, manusia mampu menyerlahkan potensi dan kekuatan yang ada padanya. Sejarah telah membuktikan bahawa kesinambungan budaya menuntut ilmu berterusan bermula sejak Nabi Adam Alaihissalam hingga sampai kepada rasul terakhir, iaitu Nabi Muhammad SAW. Begitu juga peristiwa bersejarah ketika penurunan wahyu yang pertama di Gua Hira' adalah penekanan kepada ilmu.</p> | 8 |
| <p>Sejarah telah membuktikan bahawa kesinambungan budaya menuntut ilmu berterusan bermula sejak Nabi Adam Alaihissalam hingga sampai kepada rasul terakhir, iaitu Nabi Muhammad SAW. Begitu juga peristiwa bersejarah ketika penurunan wahyu yang pertama di Gua Hira' adalah penekanan kepada ilmu.</p> | 9 |
| <p>Firman Allah SWT dalam surah al-'Alaq ayat 1-5:</p> <p>أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤</p> | 10 |



| | |
|--|----|
| <p><i>“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari segumpal darah beku. Bacalah dan Tuhanmulah yang maha pemurah, yang mengajar (manusia) melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.”</i></p> | 11 |
| <p>Perkataan <i>IQRA'</i> apabila diterjemahkan adalah satu arahan membaca dan menjalankan penyelidikan menjadi kunci kepada orang berilmu. Ayat tersebut juga menjelaskan bahawa Islam menyeru umatnya supaya menjadi orang yang berilmu. Islam juga meletakkan ilmu sebagai asas utama dan landasan untuk mencapai kejayaan dan kesejahteraan ummah.</p> | 12 |
| <p>Dalam sejarah keagungan Islam, kita dapat lihat bagaimana kejayaan para sahabat dan ulama yang membawa syiar Islam sehingga agama Allah SWT ini berkembang hampir sepertiga dunia dengan berpaksikan ilmu. Contohnya pada zaman kegemilangan kerajaan Abbasiyyah, Uthmaniyyah, Constantinople dan lain-lain tamadun Islam. Masyarakat Islam ketika itu telah memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam semua bidang ilmu samada ilmu fardhu ain atau ilmu fardhu kifayah, dari ilmu bintang hinggalah kepada ilmu senibina dalam tempoh lebih kurang 900 tahun antara abad ke-7 Masihi hingga ke-16 Masihi.</p> | 13 |
| <p>Oleh yang demikian, Islam telah mewajibkan seluruh umatnya agar menuntut ilmu bagi mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Malahan, proses menuntut ilmu juga adalah satu usaha yang berterusan sepanjang hayat. Dalam konteks keperluan negara pada zaman Revolusi Industri ke-4 ini, negara amat memerlukan modal insan yang bukan sahaja kreatif dan berinovasi, namun ia juga mencakupi aspek akidah yang kuat, syariah yang betul serta keperibadian yang berakhlak mulia.</p> | 14 |



Islam telah mengangkat darjat orang yang beriman dan berilmu sehingga ke tahap tamaddun yang tinggi lagi dicontohi sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

15

"Allah meninggikan orang yang beriman di antara kamu, dan juga orang yang diberi ilmu pengetahuan (dalam kalangan kamu) beberapa darjat. Dan ingatlah, Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu kerjakan."

16

Sebagai umat Islam, al-Quran dan al-Sunnah adalah sumber utama bagi melahirkan seorang Islam yang beriman dan berilmu untuk mengekalkan kehebatan tamadun umat Islam. Namun jika diabaikan al-Quran dan al-Sunnah ini, umat Islam akan tersesat kerana lemah iman serta hilang ilmu dan juga kerana melebihkan kecenderungannya kepada urusan dunia.

17

Nabi SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِ اللَّهِ

18

"Aku tinggalkan dalam kalangan kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu kitab Allah al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW."

19

(Riwayat Imam Malik).



Oleh itu, apabila kita hendak beriman dan berilmu, maka kita hendaklah baca dan faham al-Quran dan al-Sunnah terlebih dahulu supaya kita sentiasa mendapat hidayah daripada Allah SWT. Allah memelihara keimanan dan menambah ilmu serta melindungi kita dari kesesatan apabila al-Quran dan Sunnah Nabi SAW menjadi pegangan kita bahkan sebagai amalan rutin dan pakaian harian.

20

Kita tidak mahu menjadi orang Islam yang tidak beriman dan tidak berilmu. Kita tidak mahu menjadi orang Islam yang berpendidikan tinggi tetapi mengamal ajaran sesat. Kita tidak mahu juga menjadi orang Islam yang berpendidikan sederhana tetapi terpengaruh dengan ajaran sesat. Janganlah jadi orang Islam yang malas dan tidak berusaha untuk menambah ilmu bagi memajukan diri, keluarga dan negara. Oleh itu, jadilah orang Islam yang kuat berpegang teguh kepada akidah, syariah dan akhlak supaya menjadi khaira ummah yang seimbang dalam semua aspek kehidupan dan yang paling penting diredhai oleh Allah SWT.

21

Sebagai penutup bicara khutbah hari ini, antara pengajaran dan penghayatannya adalah:

1. Umat Islam hendaklah menjadikan kehidupan seharian sentiasa disinari dengan amalan-amalan Islam dan budaya menuntut ilmu.
2. Umat Islam hendaklah memastikan diri sendiri serta ahli keluarga sentiasa memajukan diri dengan ilmu berlandaskan akidah, syariah dan akhlak Islam.
3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa bila-bila masa sahaja Allah SWT boleh menjadikan seseorang itu tersesat, lemah dan hina dengan ilmu sendiri jika tujuan memiliki ilmu itu bukan untuk keredaan Allah dan kepentingan Islam sebaliknya kerana tuntutan hawa nafsu dalam mengejar kehidupan di dunia ini.

22



| | |
|--|----|
| <p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ أَفْرَعَيْتَ مَنْ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَى عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَى سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ وَجَعَلَ عَلَى بَصَرِهِ غِشَاوَةً فَمَنْ يَهْدِيهِ مِنْ بَعْدِ اللَّهِ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾</p> | 23 |
| <p><i>“Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: Tuhan yang dipatuhinya dan dia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuinya (bahawa dia tetap kufur ingkar) dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayat petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu, mengapa kamu (wahai orang-orang yang ingkar) tidak ingat dan insaf?”</i></p> <p>(al-Jathiyah : 23).</p> | 24 |
| <p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p> | 30 |
| <p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p> | 31 |



KHUTBAH KEDUA

| | |
|---|---|
| 1 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، |
| 2 | وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. |
| 3 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. |
| 4 | Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat. |
| 5 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ |
| 6 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 7 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. |
| 8 | اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ. |



| | |
|--|----|
| اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، | 9 |
| جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. | 10 |
| اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطِينِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، | 11 |
| فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ. | 12 |
| Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). | 16 |
| Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan. | 17 |



| | |
|---|----|
| اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ. | 18 |
| رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾ | 19 |
| عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ | 20 |
| فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. | 21 |